

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai projek-projek BP1 2019 berserta jumlah nilai projek yang diluluskan, telah dan sedang dilaksanakan di bawah Majlis Daerah Bau, Majlis Perbandaran Padawan dan Majlis Daerah Serian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melaksanakan projek berskala kecil di bawah peruntukan pembangunan di kawasan-kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Projek-projek ini meliputi 3 skop utama iaitu infrastruktur, kemudahan awam dan sosio-ekonomi. Pada tahun 2019, KPKT telah diperuntukkan lebih kurang RM3.65 juta untuk diagihkan kepada 3 PBT iaitu Majlis Daerah Bau, Majlis Perbandaran Padawan dan Majlis Daerah Serian bagi pelaksanaan projek pembangunan di kawasan PBT.

2. Sejumlah lebih kurang RM1.71 juta telah disediakan bagi melaksanakan 4 projek di kawasan Majlis Daerah Bau, RM937 ribu di Majlis Perbandaran Padawan bagi melaksanakan 4 projek dan sebanyak RM1.01 juta peruntukan telah disediakan bagi melaksanakan 5 projek di kawasan Majlis Daerah Serian.

Sekian, terima kasih.